

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	6 AUGUST 2016

Elak terpedaya agenda penubuhan parti Tun M

BH-6/8/2016

➔ Ahli UMNO digesa tidak terperangkap muslihat diatur bekas Perdana Menteri

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@bh.com.my

▀ Baling

Semua ahli UMNO khususnya pada peringkat akar umbi digesa supaya tidak terpengaruh dengan agenda penubuhan parti baharu dipelopori Tun Dr Mahathir Mohamad, bagi mengelak terperangkap dengan muslihat yang diatur kumpulan bekas Perdana Menteri itu.

Bendahari UMNO, Datuk Seri Salleh Said Keruak, berkata kumpulan terbabit akan cuba meraih sokongan dengan cara mempengaruhi pemimpin tertentu, khususnya pada peringkat bahagian dan cawangan.

"Rakyat dan ahli UMNO khususnya diyakini cerdik dan sudah pastinya mampu menilai dengan



Sebagai ahli UMNO, kita perlu sedar kumpulan ini tidak akan berhenti sehingga matlamat mereka untuk berkuasa tercapai dan apabila mereka menyerang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, maka ia secara tidak langsung menyerang UMNO"

Salleh Said Keruak,
Bendahari UMNO

melihat motif perjuangan mereka untuk menubuhkan parti baharu.

Tidak konsisten

"Cuba buat perbandingan ketika mereka (kumpulan menyokong Mahathir) berada dalam parti dan di luar parti. Apa yang diperkatakan dan diperjuangkan langsung tidak konsisten.

"Sebagai ahli UMNO, kita perlu sedar kumpulan ini tidak akan berhenti sehingga matlamat mereka untuk berkuasa tercapai dan apabila mereka menyerang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, maka ia secara tidak langsung menyerang UMNO," katanya selepas merasmikan Persidangan

Perwakilan Wanita UMNO Bahagian Baling di sini, semalam.

Dalam perkembangan berasingan, Salleh yang ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Sungai Petani, menggesa semua kepimpinan UMNO di Terengganu mengutamakan kesatuan parti dalam memastikan kemelut politik yang melanda negeri itu dapat diselesaikan dengan baik.

Beliau berkata, UMNO Terengganu perlu bertenang menghadapi apa juga cabaran, termasuk isu berkaitan Datuk Seri Ahmad Said, dengan menyerahkan keputusan berhubung kedudukan Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) Kijal itu kepada Majlis Tertinggi (MT) kerana siasatan mengenainya kini dijalankan Lembaga Disiplin parti.

Elak jejas keutuhan parti

"Saya harap penyelesaian dibuat secara berhemah. Jangan mengeluarkan kenyataan yang merenggangkan hubungan antara pemimpin UMNO sehingga menjejaskan keutuhan parti.

"Apa juga perkara dilakukan, jangan menjadikan rakyat sebagai mangsa kerana kita (pemimpin UMNO) berpolitik bukan untuk merebut jawatan, tetapi memastikan pembangunan diteruskan," katanya.